



Metafora *KASIH* Dalam Teks Melayu Tradisional: Analisis Teori Hibrid

Rozaimah Rashidin*, Nor Hashimah Jalaluddin**
rozai451@salam.uitm.edu.my, shima@ukm.my

* *Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Malaysia*

** *Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Abstrak

Kertas ini bermatlamat untuk meneliti metafora *KASIH* dalam *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu* dan *Tuhfat Al-Nafis*. Kajian menggunakan data korpus dari *Malay Concordance Project (MCP)* yang diperoleh secara atas talian di laman sesawang <http://mcp.anu.edu.au/>. Dalam kajian ini, unsur metafora *KASIH* dianalisis berbantuan Teori Hibrid yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009) dan dikemaskini oleh Stöver (2010). Teori yang mengacukkan pendekatan linguistik kognitif dan pragmatik ini ditunjangi oleh Model Proses Tiga Serangkai (*Triple Processing*) melibatkan tiga proses yang saling melengkapi iaitu simulasi, perubahan penyampaian dan proses pembuktian. Proses ini akan menghasilkan satu rantau konsepsi yang memerikan konsep leksikal atau makna terhadap kata atau frasa yang bersifat figuratif dan implisit. *KASIH* merujuk kepada perasaan sayang terhadap seseorang atau sesuatu, juga sinonim dengan cinta dan penggunaannya adalah bergantung kepada konteks. Sebanyak 30 data korpus metafora *KASIH* telah dianalisis dalam karya agung Melayu yang terpilih sebagai suatu mekanisme untuk merefleksi dan memanifestasikan rantau konsepsi, pemikiran dan kognitif orang Melayu dahulu kala. Berdasarkan pembuktian linguistik, metafora emosi *KASIH* dalam karya agung Melayu tersebut jelas memaparkan ikatan atau jalinan kesepakatan dan hubungan sosial antara suami isteri, keluarga, saudara mara, rakan taulan, golongan yang memerintah dan yang diperintah.

Kata kunci: metafora, metafora konsepsi, rantau konsepsi, kasih, teori Hibrid

Abstract

This paper examines metaphors of KASIH (LOVE) in the Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu and Tuhfat Al-Nafis. This study used data from the corpus of Malay Concordance Project (MCP) gained from <http://mcp.anu.edu.au/>. In this study, the elements of LOVE metaphor analysed with Hybrid Theory that introduced by Tendahl (2009) and reinvented by Stover (2010). This theory approach to cognitive linguistics and pragmatics by Triple Processing Model known as the inferential, metarepresentational and simulations processes. The process will result in a shoreline that describes the conception of lexical concept or meaning to the word or phrase that is both figurative and implicit. KASIH (LOVE) refer to feelings of affection towards someone or something, is also synonymous with love and its use is dependent on the context. A total of 30 corpus data of metaphors KASIH (LOVE) have been analysed in the Malay masterpiece that was selected as a mechanism to reflect and manifest shoreline conception, and cognitive thinking of Malays yore. Based on linguistic evidence, emotional metaphor KASIH in the Malay masterpiece clearly explained the relationship between husband and wife, family and the ruling class and the ruled.

Keywords: metaphor, conceptual metaphor, conceptual region, love, Hybrid theory

1. Pengenalan

Za'ba (2002) mendefinisikan metafora sebagai peribahasa yang menyampaikan sesuatu makna dengan mengumpamakan atau mengiaskan kepada sesuatu perkara lain dan erti atau maknanya menjadi dua lapis. Menurut

Tendahl dan Gibbs (2008) pula, “... *metaphor is at the nexus of mind and language*” yang menunjukkan bahawa metafora itu terletak pada rangkaian minda dan bahasa. Ketiga-tiga sarjana ini sealiran apabila mengaitkan minda dan bahasa dalam menginterpretasi metafora. Metafora Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, seperti metafora yang dibina melalui perumpamaan atau perbandingan, analogi, simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, bahasa kiasan dan sindiran, bidalan, tamsil ibarat, metonimi serta personifikasi. Metafora berfungsi untuk melahirkan makna yang luar biasa dan bersifat abstrak (Hassan Ahmad, 2003). Menurut Lakoff dan Johnson (1980) “...our ordinary conceptual system, in terms of which we think and act, is fundamentally metaphorical in nature” yang bermaksud, metafora adalah satu sistem konseptual yang lazim, cara kita berfikir dan bertindak secara alamiah adalah bersifat metafora. Kövecses (2000: 20) menyatakan “...*metaphors not only pervades the language people use about the emotions, but also that it is essential to the understanding of most aspect of the conceptualization of emotion and emotional experience*”. Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Kövecses, (2000) di atas, metafora bukan sahaja dianggap sebagai satu mekanisme kognitif untuk memahami entiti yang abstrak tetapi ia juga boleh mengkonseptualisasikan emosi dan pengalaman yang berkaitan dengan emosi.

Secara umumnya, emosi merujuk kepada perasaan yang dialami oleh seseorang yang terbentuk oleh sesuatu perkara. Perkataan emosi berasal daripada perkataan Latin *emover* yang bermaksud bergerak, kegembiraan dan kekusaran (Ortony, A, et al., 1988). Kertas ini akan meneliti dan menganalisis metafora emosi KASIH dengan berbantuan teori Hibrid. Teori yang berpayungkan bidang pragmatik melalui Teori Relevans dan pendekatan linguistik kognitif merupakan cara terkini untuk melihat metafora bagi menghasilkan satu rantau konsepsi yang memerikan konsep leksikal atau makna terhadap kata atau frasa yang bersifat figuratif, implisit atau tersirat. Emosi KASIH dicungkil dalam data korpus Sejarah Melayu (Sulalat Al-Salatin), Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat Al-Nafis sebagai suatu mekanisme untuk merefleksikan dan memanimifestasikan rantau konsepsi, pemikiran dan kognitif orang Melayu.

2. Kajian Lepas

Rasa KASIH bermaksud lebih kepada perasaan dua orang kekasih yang sudah mantap, matang dan stabil hubungannya. Turut digunakan dalam menggambarkan hubungan yang harmoni dan bahagian dalam sesebuah keluarga atau rasa sayang yang mendalam, contohnya dalam ungkapan kasih ibu hingga ke syurga. Kajian terhadap emosi KASIH dalam masyarakat Melayu dari perspektif bahasa dan linguistik telah dilakukan oleh Goddard (1996), Muhammad Haji Salleh (2007), Imran Ho dan Sabariah (2007). Goddard (1996) berpendapat bahawa “...*Malay traditional is much concerned with love in its various aspects, having no fewer than three words – sayang, kasih and cinta that may serve, in difference contexts, as translations equivalents for love. Naturally, sayang, kasih and cinta fell together into a love cluster*”. Muhammad Haji Salleh (2007) telah mengkaji unsur cinta dalam pantun, syair, cerita lisan dan bertulis. Beliau menunjukkan bahawa perasaan cinta, kasih dan sayang orang Melayu sangat subur dan kaya penggunaannya serta bersifat imajinatif.

Kajian terkini mengenai metafora KASIH telah dilakukan oleh Imran Ho dan Sabariah (2007). Penelitian bertujuan untuk meneroka konseptualisasi metafora KASIH dalam bahasa Melayu menggunakan medium linguistik kognitif. Konsep cinta dalam bahasa Melayu dinyatakan dengan penggunaan leksikal seperti cinta, kasih dan sayang. Berdasarkan korpus, pemetaforaan cinta, kasih dan sayang didedahkan berdasarkan kekerapan kolokasi. Dapatan menunjukkan bahawa pengkonsepsian cinta dimanifestasikan menerusi dimensi ruang dalam ungkapan jatuh cinta. Cinta juga banyak digunakan untuk meluahkan perasaan mencintai seseorang misalnya dalam ungkapan aku cintakan dia. Sebaliknya, leksikal kasih mengkonsepsikan cinta sebagai objek luaran yang boleh diberi dan diterima seperti frasa memberikan kasih atau terima kasih. Sayang pula merupakan luahan ekspresi memiliki seperti dalam ujaran sayang saya. Jelaslah di sini bahawa para pengkaji lepas telah menekankan dan memfokuskan emosi cinta, kasih dan sayang dalam kajian mereka. Namun begitu, belum terdapat kajian yang meneliti dan mengkaji unsur ekspresi ujaran yang metafora sifatnya menggunakan data dari teks klasik. Justeru, kertas ini akan menambah satu lagi kosa ilmu metafora emosi KASIH yang ditinjau dari perspektif semantik dan pragmatik, khususnya dan dari aspek bahasa dan linguistik amnya, menggunakan data korpus dari karya agung Melayu.


3. Metodologi

Data-data diperoleh secara terus daripada pangkalan data korpus *Malay Concordance Project*. Data diperoleh dengan mengakses lexis *KASIH* dari tiga teks sastra klasik yang dipilih iaitu *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfat Al-Nafis* dan *Sejarah Melayu*. Data yang diperoleh dipaparkan dalam bentuk konkordans. Kemudian, data korpus yang mengandungi unsur metafora emosi *KASIH* diasingkan daripada data korpus mentah. Hasilnya, terdapat hanya 30 lexis *KASIH* yang berunsur metafora dikaji menggunakan kerangka Teori Hibrid. Namun begitu, hanya 8 data sahaja yang dipaparkan dalam kertas ini (Lihat Jadual 2).

Kajian ini menggunakan satu teori yang terkini dalam penelitian unsur metafora. Teori tersebut dikenali sebagai teori Hibrid. Teori Hibrid telah dipelopori oleh Tendahl (2008) melalui kajian yang bertajuk *A Hybrid Theory of Metaphors: Relevance Theory and Cognitive Linguistics*. Teori yang terhasil daripada kacukan pendekatan linguistik kognitif dan bidang pragmatik ini iaitu teori Relevans membawa gagasan bahawa satu proses dalam kognisi seharusnya melibatkan dua proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik. Kacukan kedua-dua proses ini akan menghasilkan pemahaman yang lebih mantap berkenaan makna sesuatu kata yang berdasarkan pemahaman kognisi, terutamanya pemahaman makna kata-kata yang bersifat kreatif dan figuratif seperti metafora. Stöver (2010) telah memperkemas teori Hibrid dengan memperkenalkan model Proses Tiga Serangkai (*Triple Processing*) yang menggabungkan kesemua cara yang dianjurkan oleh Tendahl (2008) dan disusun bersama dengan dua jenis representasi iaitu representasi proposisi melalui proses pembuktian (*inferential processes*) dan representasi pengalaman imagistik (*imagistic-experiential*) yang melalui proses simulasi. Menurut Stöver (2010);

...this model has the advantage that it provides the logical precision of Relevance Theory, catering for psychologically plausible communication processes, while at the same time benefiting from cognitive-linguistic insights concerning a holistic understanding of the world and how things relate to each other, ...

Berdasarkan Rajah 1, Proses Tiga Serangkai melibatkan tiga proses yang saling melengkapi iaitu proses simulasi (*simulation*), proses perubahan penyampaian (*metarepresentational*) dan proses pembuktian (*inferential*). Proses simulasi melibatkan penginterpretasian makna secara literal atau harfiah. Ujaran yang difahami pada peringkat ini adalah bersifat eksplikatur (tersurat). Proses pembuktian pula melibatkan ujaran yang bersifat implikatur atau tersirat. Untuk memahami makna frasa atau lexis yang bersifat metafora, proses simulasi dan proses pembuktian berlaku secara serentak serta melibatkan penerapan konsep *ad-hoc* dalam gagasan Teori Relevans dan proses pemetaan domain berdasarkan pendekatan linguistik kognitif. Proses perubahan penyampaian (*metarepresentational*) pula, berperanan untuk memberi input dan pengantara maklumat kepada proses pembuktian yang mengandungi pengalaman imagistik pendengar atau pembaca untuk mendapatkan makna yang hendak dikomunikasikan yakni makna yang difahami. Makna yang dikomunikasikan ini pula akan tersimpan dalam rantau konsepsi seseorang pendengar atau penutur dan akan digunakan secara berulang-ulang kerana ia adalah sebahagian daripada pengalaman, maklumat atau catatan ensiklopedia serta pengalaman badaniah yang telah dialami. Rajah 1 dapat menyimpulkan ketiga-tiga proses di atas.



Rajah 1: Proses Tiga Serangkai

Sumber: Stöver (2010)

4. Analisis dan Perbincangan


Karya agung atau teks Melayu tradisional sarat dengan pelbagai tema bagi melambangkan fenomena yang berlaku dalam kalangan masyarakat tradisional pada ketika itu. Tema seperti keperwiraan, kemewahan dan kesetiaan diangkat menjadi persoalan utama dalam teks-teks klasik seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Raja Pasai*, *Tuhfat Al-Nafis* serta lain-lain karya agung lagi (Amida, 2004). Di sebalik persoalan utama tersebut, pasti terselit juga tema emosi yang menjadi selingan dalam kandungan teks-teks klasik tersebut. Tema emosi bukan sahaja merujuk kepada emosi positif seperti kasih, sayang, cinta, dan rindu, malah emosi negatif seperti marah, cemburu dan dendam juga turut ditonjolkan. Lazimnya, kepelbagaian emosi dalam teks klasik tidak ditonjolkan secara terang-terangan tetapi secara tersirat menerusi ungkapan-ungkapan atau leksikal yang menjurus kepada perlambangan emosi misalnya dalam contoh berikut:

- a) Tuah 352:9 ... kurnia, hendaklah Duli Yang Dipertuan menitahkan Bentara Tun Kasturi ia pergi melihat bangkai Si Jebat derhaka itu, kerana ia sahabat patik seperti saudara patik; dari kecil **berkasih tiada bercerai** dengan patik lima bersahabat ini; kerana hal dunia ini tuanku lah maklum." Setelah raja mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun memandang
- b) TN 290:17 ... anakda Baginda Tengku Mandak betapa adat istiadat raja-raja yang besar-besar bernikah-kahwin. Maka apabila selesai daripada dipersatukan maka duduklah Yang Dipertuan Siak itu berkasih-kasihnya serta **sangat kasihnya akan isterinya seperti menatang minyak yang penuh** ibaratnya. Maka di dalam hal itu tiada berapa lama antaranya Yang Dipertuan Siak bersuka-...

Data (a) **berkasih tiada bercerai** dan data (b) **sangat kasihnya akan isterinya seperti menatang minyak yang penuh** merupakan contoh penggunaan metafora emosi *KASIH* yang disampaikan secara tersirat dan memerlukan penginterpretasian yang tinggi untuk memahaminya. Selepas proses penginterpretasian makna dilakukan, maka akan terhasil satu rantau konsepsi emosi *KASIH* yang memerikan konsep leksikal atau makna terhadap kata atau frasa yang bersifat figuratif, implisit atau tersirat berdasarkan penggunaan dan pembuktian leksikal dari karya agung yang terpilih.

Penerapan Konsep *Ad Hoc*

Konsep *ad hoc* merupakan komponen pemikiran penutur yang dapat diinterpretasikan oleh pendengar pada satu-satu masa yang sifatnya agak spesifik dan sementara (Carston, 2009). Penerapan konsep *ad hoc* untuk data (a) melibatkan *ad hoc* penyempitan yang membolehkan masalah ketaksamaan ujaran ditangani dengan menyasarkan item leksikal tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikod oleh item leksikal tersebut. Hubungan antara bentuk proposisi dengan set andaian konteks akan membolehkan kesan kognitif dicapai dan sesetengah andaian konteks ini akan diperoleh daripada entri ensiklopedik konsep yang disempitkan. *Ad hoc* penyempitan biasanya diaplikasikan apabila leksikal atau ungkapan yang digunakan kabur atau mempunyai pelbagai inferens dan pembaca akan melakukan pemilihan dan pengguguran andaian yang tidak relevan dengan konteks seterusnya menyempitkan makna yang diinginkan. Contoh yang terdapat dalam data (a) iaitu leksikal **bercerai** dianggap kabur dan implisit kerana mempunyai pelbagai makna rujukan atau makna literal seperti tidak bersatu (bercampur, berkumpul, bersama) lagi, berpisah dan berpecah. Jelas di sini bahawa, leksikal **bercerai** mempunyai banyak inferens dan sebagai pendengar atau penutur, proses pemahaman frasa ini akan menimbulkan kekaburan makna. Dalam data (a), leksikal **bercerai** juga boleh menginterpretasikan makna atau merujuk kepada hubungan perkahwinan antara suami dan isteri, ikatan kekeluargaan seperti hubungan adik-beradik atau saudara mara atau menunjukkan perhubungan persahabatan. Dalam konteks di atas, data (a) merujuk kepada perbuatan atau perhubungan persahabatan yang sangat erat dan akrab. Berdasarkan *ad hoc* penyempitan, pembaca akan memilih inferens yang paling relevan dalam lingkungan C bagi frasa **berkasih tiada bercerai***. Maka terhasil makna yang diinginkan iaitu hubungan persahabatan antara Hang Tuah lima bersaudara adalah sangat erat dan dibina sejak kecil lagi. Maka, makna dalam L digugurkan seperti dalam Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Penerapan konsep *ad hoc* penyempitan bagi frasa *tidak bercerai*

Penerapan konsep *ad hoc* untuk data (b) pula melibatkan *ad hoc* peluasan. Konsep peluasan ini lebih tertumpu kepada bentuk metafora, bentuk-bentuk kiasan dan perlambangan atau pun ujaran yang bukan literal. Pendengar akan mengekodkan konsep yang dikod oleh leksikal, dan cuba mencari dan mendapatkan ciri-ciri logik dan ensiklopedik yang tertentu. Pendengar menganggap ujaran ini sebagai panduan secara kasar bagi mencapai hajat yang ingin disampaikan penutur. Kesannya, pendengar akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperoleh iaitu dengan menggugurkan mana-mana input yang tidak relevan dalam konteks tersebut dan menerima input yang relevan sebagai gambaran pendapat penutur. Data (b) iaitu menatang minyak yang penuh diinterpretasikan melalui konsep *ad hoc* peluasan. Ungkapan ini merupakan ungkapan metafora yang mempunyai makna yang sukar ditafsirkan sekiranya konteksnya tidak difahami. Melalui *ad hoc* peluasan, andaian dan kesimpulan implikatur boleh dibina untuk memahami metafora. Daripada andaian yang banyak terhasil itu, satu sahaja yang akan dipilih sebagai kesimpulan yang paling relevan.

Klausa (b) menatang minyak yang penuh boleh menghasilkan interpretasi atau andaian implikatur seperti berikut:

- i) Perbuatan menatang minyak yang penuh di tapak tangan.
- ii) Perbuatan membawa minyak yang penuh dengan berhati-hati
- iii) Perbuatan menjaga minyak yang penuh supaya tidak tumpah.
- iv) Perbuatan menjaga sesuatu yang sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurna.


Andaian yang terhasil perlulah dikaitkan dengan perbuatan menjaga sesuatu dengan cermat. Perbuatan menatang minyak yang penuh di dalam sebuah bekas memerlukan sifat sabar dan hati-hati dalam konteks data di atas dikaitkan dengan sifat *KASIH* dalam perhubungan suami isteri. Berdasarkan konteks ungkapan dan persekitaran kognitif, perbuatan menatang minyak yang penuh disamakan dengan perbuatan menjaga sesuatu yang disayangi dengan penuh kasih dan dijaga dengan sempurna. Dengan kata lain, data ini menjelaskan bahawa ada individu yang bertanggungjawab untuk menjaga sesuatu yang disayangi. Suami yang bertanggungjawab akan menjaga isterinya dengan penuh kasih sayang dan perhatian. Perbuatan ini mengkonsepsikan *KASIH* sebagai tanggungjawab seorang suami menjaga isteri mengikut kemampuannya dan *KASIH* digambarkan sebagai satu objek luaran yang perlu diberi dan dijaga oleh seseorang. Pendapat ini bertepatan dengan hasil kajian Imran Ho dan Sabariah (2007) yang menyatakan *KASIH* boleh dikonsepsikan sebagai objek luaran yang boleh diberi dan diterima. Maka interpretasi (iv)

dipilih sebagai kesimpulan implikatur kerana menggambarkan sifat bertanggungjawab seorang suami memberi kasih sayang dan menjaga isterinya dengan sabar dan penuh perhatian.

Pemetaan Domain


Peringkat seterusnya bagi penganalisan data melibatkan proses pemetaan domain atau proses perubahan penyampaian. Bagi data (a) *berkasih tiada bercerai* melibatkan pemetaan domain IKATAN disasarkan ke domain emosi *KASIH*. Pemetaan domain ini telah menghasilkan metafora konsepsi *KASIH ADALAH IKATAN*. Berdasarkan pengalaman kognitif, leksikal *bercerai* mengkonsepsikan atau mengkonsepkan makna ikatan. Ini kerana, leksikal *bercerai* dalam konteks data (a) merujuk kepada perhubungan dalam sebuah persahabatan. Metafora konsepsi adalah satu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain punca untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran. Turut terhasil dalam proses perubahan penyampaian ini ialah skema imej PENGHUBUNG. Skema imej PENGHUBUNG adalah skema imej yang menghubungkan dua atau lebih bentuk abstrak atau konkrit atau menjadi pengikat di antara satu sama lain. Menurut Gibbs & Steen (1997) dan Lakoff (1987) serta Lakoff & Johnson (1980) telah mengemukakan konsep skema imej sebagai satu skemata pengetahuan yang memperkemarkan dan menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat satuan-satuan yang koheran dan bermakna sifatnya. Skema imej adalah pengalaman *gestalts* yang muncul melalui aktiviti sensorimotor semasa kita memanipulasi objek, mengorientasikan diri kita dalam ruang dan waktu serta kita mengarahkan fokus persepsi kita untuk pelbagai tujuan. Skema imej juga adalah penyusunan pengalaman dalam bentuk imej dan disimpan dalam pemikiran manusia serta dapat dicapai untuk memahami atau menjelaskan konsep yang baru.

Rajah 3 menunjukkan skema imej PENGHUBUNG kerana berdasarkan pengalaman badaniah, ungkapan *berkasih tiada bercerai* mengkonsepsikan satu hubungan atau ikatan. Hubungan ini melibatkan individu yang memberi dan individu yang menerima. Berdasarkan data (a) juga, hubungan persahabatan yang erat antara Hang Tuah dan sahabatnya di hubungkan atau diikat melalui emosi *KASIH* seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3 berikut. X1 merujuk kepada Hang Tuah, manakala X2 pula mewakili sahabat-sahabat Hang Tuah. Hubungan persahabatan yang dibina sejak kecil dikukuhkan lagi dan dijalin melalui rasa atau emosi *KASIH*.



Rajah 3: Skema imej PENGHUBUNG

Proses pemetaan domain bagi data (b) pula melibatkan domain BEKAS dipetakan atau disasarkan kepada domain emosi *KASIH* dan menghasilkan metafora konsepsi *KASIH ADALAH SEBUAH BEKAS*. Frasa *menatang minyak yang penuh* juga telah memprofilkan skema imej BEKAS. Ini kerana leksikal *penuh* mengkonsepsikan sebuah bekas dan *menatang minyak yang penuh* menggambarkan perbuatan membawa sebuah bekas yang penuh diisi dengan minyak. Secara konseptual dan pengalaman mental dan kognisi seseorang, bekas yang penuh berisi perlu dibawa dengan berhati-hati dan dijaga dengan cermat kerana jika berlaku kecuaiannya maka kandungan yang terdapat dalam bekas tersebut akan tumpah dan mengosongkan bekas tadi. Hal ini dipetakan kepada hubungan kasih sayang dan harmoni di antara suami dan isteri seperti dalam data (b). Rajah 4 berikut menunjukkan skema imej BEKAS bagi frasa *menatang minyak yang penuh*.



Rajah 4: Skema imej BEKAS

Rantau Konsepsi Metafora *KASIH* Dalam Karya Agung Melayu

Setelah dipaparkan proses ad hoc dan pemetaan domain melalui Proses Tiga Serangkai, satu rantau konsepsi bagi emosi *KASIH* dapat dibentuk. Rantau konsepsi ialah satu kawasan tempat terkumpulnya pemahaman makna kata yang dihubungkan daripada pelbagai elemen seperti domain, skema imej, metafora konsepsi dan konsep leksikal. Konsep leksikal merupakan pengalaman sedia ada yang terdapat dalam minda. Dalam Teori Relevans, konsep leksikal ini dikenali sebagai pengetahuan ensiklopedik atau maklumat ensiklopedik (Sperber & Wilson, 1986). Rantau konsepsi terhasil daripada penerapan konsep *ad hoc* peluasan atau penyempitan serta proses pemetaan dua domain (domain sumber dan domain sasaran). Persoalan seperti, bagaimanakah kita dapat memahami atau menjelaskan apakah proses yang berlaku dalam minda seseorang apabila mereka mencipta makna yang abstrak dan tidak harfiah sifatnya terutamanya metafora, dapat disimpulkan dalam rantau konsepsi ini dan akhirnya pemahaman sesuatu kata/ leksikal atau frasa menjadi semakin jelas dan konkrit serta mudah diinterpretasikan.


Tendahl (2008) menyatakan rantau konsepsi “...is usually much too unspecified in order to call it the meaning of a word”. Menurut Stöver (2010), rantau konsepsi melibatkan beberapa jenis representasi yang terhasil melalui penggabungan dua kategori struktur pengetahuan (*knowledge structure*) iaitu *imagistic-experiential representations* dan *propositional representations*. Rantau konsepsi emosi *KASIH* dalam contoh data korpus dari tiga karya agung Melayu telah berjaya dihasilkan dengan penganalisan metafora dan pengaplikasian Teori Hibrid, sebagaimana penjelasan di atas seperti yang tergambar dalam Rajah 5. Rajah 5 memperlihatkan penerapan konsep *ad hoc* dan proses pemetaan domain berlaku secara serentak. Setiap metafora konsepsi dan skema imej yang terhasil adalah berdasarkan leksikal yang terdapat dalam contoh-contoh data. Metafora emosi *KASIH* yang mempunyai maksud implisit akhirnya dapat diinterpretasikan maknanya. Emosi yang abstrak dapat difahami dengan mudah melalui proses pemetaan domain yang jelas dan mantap.

Jadual 2: Proses Penerapan Konsep Ad Hoc dan Pemetaan Domain

Data Korpus	Konsep Ad Hoc	Leksikal	Skema Imej	Metafora Konsepsi
Tuah 352:9 ... kurnia, hendaklah Duli Yang Dipertuan menitahkan Bentara Tun Kasturi ia pergi melihat bangkai Si Jebat derhaka itu, kerana ia sahabat patik seperti saudara patik; dari kecil berkasih tiada bercerai dengan patik lima bersahabat ini; kerana hal dunia ini tuankulah maklum." Setelah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun memandang	Penyempitan	saudara sahabat	Penghubung	KASIH ADALAH IKATAN
Tuah 5:32 . lalu dikendongnya. Maka mahligai itu pun ghaiblah. Maka Sang Perta Dewa pun sampailah ke negerinya lalu masuk ke dalam negeri, lalu naik ke istananya. Maka baginda pun duduklah berkasih-kasihani laki isteri memelihara anakanda baginda itu. Hatta beberapa lamanya Sang Sapurba pun besarlah. Maka titah baginda pada isterinya, "Ya adinda, akan sekarang	Penyempitan	duduklah memeliharakan besarlah	Pusat- Pinggiran	KASIH ADALAH KESEPAKATAN
SM 87:22 sekati emas di benua Keling itu." Setelah sudah lepas idah maka Seri Nara Diraja pun duduklah dengan Tun Kudu; maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja; jadi berkasih-kasihani seperti saudara sejalan jadi . Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan Bendahara, kerana menteri sedia anak ..	Peluasan	sejalan jadi muafakatlah saudara	Aturan Linear dan Penghubung	KASIH ADALAH KESEPAKATAN
TN 290:17 ... anakda Baginda Tengku Mandak betapa adat istiadat raja-raja yang besar-besarnya bernikah-kahwin. Maka apabila selesai daripada dipersatukan maka duduklah Yang Dipertuan Siak itu berkasih-kasihani serta sangat kasihnya akan isterinya seperti menatang minyak yang penuh ibaratnya. Maka di dalam hal itu tiada berapa lama antaranya Yang Dipertuan Siak bersuka-...	Peluasan	menatang penuh	Daya dan Bekas	KASIH ADALAH SEBUAH BEKAS
TN 121:22 putera paduka adinda itu engku kelana muda, yang bernama Engku Encik Aisyah. Maka dinikahkan oleh Yang Dipertuan Muda itu, betapa adat-istiadat raja-raja nikah-kahwin. Maka berkasih-kasihani seperti adat orang laki-isteri . Syahadan maka tiada berapa lamanya sekedudukan itu, maka Engku Encik Aisyah pun mangkatlah, kembali ke rahmat Allah taala, inna .	Peluasan	adat sekedudukan	Bahagian - Keseluruhan	KASIH ADALAH HUBUNGAN SOSIAL
Tuah 143:39 raja, "Ya paman, kita ini hamba ke bawah Duli Betara; mana titah kita junjung." Maka Patih Gajah Mada pun berkata pada Tun Tuah, "Ayuh anak Tun Tuah, banyak kita berhutang kasih kepada anak Tuah. Jikalau lambat anak Tuah menikam juga, nescaya matilah manira ditikamnya, kerana manira orang tua tiada terpegang." Maka sahut Tun Tuah, "Pada bicara	Penyempitan	banyak berhutang	Nilai	KASIH ADALAH NILAI EKONOMI
Tuah 413:5 baginda, "Mana bicara Laksamanalah, kerana kasih Laksamana banyak kepada kita; kita tiada terbalas. Insya Allah Taala, jikalau Laksamana kembali, tahulah juga kita membalas kasih Laksamana itu dan kasih saudara kita." Setelah sudah berkata-kata	Penyempitan	membalas	Daya	KASIH ADALAH DAYA FIZIKAL

demikian, maka raja pun berangkat masuk ke dalam istana. Maka Laksamana pun bermohon ke perahunya. Maka				
SM 25:8 kepada Sri Tri Buana. Setelah baginda memandang rupa baik paras anak Demang Lebar Daun itu, maka baginda pun hairan serta dengan sukacitanya. Maka titah baginda, " Sepenuh kasih pamanlah, hamba terima." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Barang Daulat tuanku bertambah-tambah." Seraya ia bermohon kembali. Setelah hari malam, Sri Tri Buana pun beradulah ..	Penyempitan	sepenuh	Bekas	KASIH ADALAH SEBUAH BEKAS
SM 47:3 .. engkau bawa aku ini?" Maka kata Badang, "Inilah datuk tebasan kita." Maka dikhabarkanyalah perihal dirinya itu. Maka tuannya pun hairanlah serta dengan sukacitanya bertambahlah kasihnya akan hambanya itu; menjadi kayalah ia, dengan berkat gagah hambanya Badang itu, menjadi dua tiga puluh hambanya, maka dipanggil 'orang kaya Sayung'; Badang pun	Penyempitan	bertambah menjadi kayalah ia	Tatatingkat	KASIH ADALAH KEDUDUKAN DI ATAS

Kesemua contoh data di atas dapat disimpulkan dalam rantau konsepti metafora emosi *KASIH* dalam karya agung Melayu yang berikut:



Rajah 5 : Rantau Konsepti Emosi *KASIH*

5. Kesimpulan

Pengarang karya agung Melayu tidak menonjolkan emosi dendam secara terang-terangan tetapi secara tersirat menerusi ungkapan-ungkapan atau leksikal yang menjurus kepada perlambangan emosi. Emosi *KASIH* dicungkil dalam karya tersebut sebagai suatu mekanisme untuk merefleksikan dan memanifestasikan rantau konsepsi, pemikiran dan kognitif orang Melayu dahulu kala. Jelas di sini bahawa, metafora bukan sahaja dianggap sebagai bunga-bunga bahasa, tetapi merupakan salah satu cara pemikiran atau saluran menyampaikan maklumat, makna atau maksud secara tersirat. Ini membuktikan bahawa, masyarakat Melayu dahulu kala, sangat kaya penggunaan metafora dalam kehidupan harian mereka. Segalanya disampaikan berdasarkan pengalaman kolektif yang diperoleh daripada persekitaran, adat resam, budaya dan cara hidup pada waktu tersebut. Penerapan Teori Hibrid dalam menekuni aspek metafora ini boleh dianggap sesuatu yang terkini dan saintifik dalam lapangan kajian metafora khususnya dan ilmu linguistik amnya.

Rujukan

- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Oxford: Blackwell Publishing
- David, C. (2003). *A dictionary of linguistic and phonetics (Fifth edition)*. Malden: Blackwell Publishing.
- David, L. (2001). *Cognitive linguistics: an introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Evans, D & Cruse, P. (2004). *Emotion, evolution and rationality*. Oxford: Oxford University Press.
- Goddard, C. (1996). The "Social emotions" of Malay (Bahasa Melayu). *Ethos* 24 (3): 426-464.
- Hanna Stöver. (2010). *Metaphor and relevance theory: a new hybrid model*: PhD Dissertation. University of Bedfordshire.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Sg. Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Johnson, M. (1987). *The body in the mind: the bodily basis of meaning, imagination and reason*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Imran Ho-Abdullah & Sabariah Abdul Rashid. (2007). Lexemes of love and anger in Malay – how choice of words may reveals our conceptualisations love but not our anger. <http://dilbilim.info/iclc/abdullah-rasid.html>
- Kamus Dewan*. (2005). Ed ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kövecses, Zoltan. (2000). *Metaphor and emotion: language, culture and body in human feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lakoff, G & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire and dangerous things*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. (1999). The system on metaphors for mind and the conceptual system of analytic philosophy: a study of the metaphorical constraints on philosophical discourse. Dlm. Barbara, A. F, Dan, J & Lana, A. M (pnyt.). *Cognition and function in language*. United State: CSLI Publication.
- Langacker, R. (1987). *Foundations of cognitive grammar, Vol 1*. Standford: Standford University Press.
- Muhammad Haji Salleh. (2007). Cinta sepanjang Nusantara. Prosiding Seminar Pantun Melayu: Semalam, Hari Ini dan Esok. 6-7 Disember 2007. Dewan persidangan PPPI, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Olaf Jäkel. (1997). Some Forgotten Contributions to the Cognitive Theory of Metaphor, Dlm. Gibbs R.W. & Steen J.G. (pnyt.). *Metaphor in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins.
- Ortony, A, Clove, G.L & Collins, A. (1988). *The cognitive structure of emotions*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sperber, D & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communivation and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Tendahl, M. (2008). *A hybrid theory of metaphors: relevance theory and cognitive linguistics*. PhD Dissertation. Department of English and American Studies University of Dortmund, Germany.
- Tendahl, M & Gibbs, R.W. (2008). Complementary perspective on metaphors: cognitive linguistics dan relevance theory. *Journal of Pragmatics*, 40, 1823-1864.
- Tyler, A & Evans, V. (2001). Reconsidering preposition polisemy network: the case of over. *Language* 77(4):724-765.
- Ungerer, F & Schmid, H. J. (1996). *An introduction to cognitive linguistics*. London: Longman.
- Za'ba. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.